



POLISI ANTI-RASUAH DAN ANTI-KORUPSI

INDAH WATER KONSORTIUM SDN BHD
(Co. No: 199101001452 (211763-P))

KANDUNGAN

1. PENDAHULUAN	3
2. TUJUAN	3
3. PEMAKAIAN	3
4. TAKRIFAN.....	4
5. PERNYATAAN DASAR	4
6. PERLAKUAN BERUNSUR DAN BERPOTENSI RASUAH	5
7. KESALAHAN-KESALAHAN RASUAH.....	6
8. UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN LAIN YANG BERKUATKUASA.....	10
9. PERANAN DAN TINDAKAN WARGA IWK.....	12
10. PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT DAN MAKLUMAT	12
11. PERTANYAAN DAN PELAPORAN	13
12. PENUTUP	13
RUJUKAN	14

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Rujukan dibuat kepada Arahan Perdana Menteri Siri 1 No. 1 Tahun 2018 – Penubuhan Unit Integriti dan Tadbir Urus dalam Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Kementerian, Agensi dan Syarikat Milik Kerajaan. Bahagian Pengurusan Integriti Agensi, SPRM bertanggungjawab menjalankan penarafan risiko organisasi untuk menetapkan struktur yang sesuai untuk IGU. Penarafan risiko diklasifikasikan kepada tinggi, sederhana atau rendah dan penarafan semula risiko organisasi dijalankan setiap tiga tahun atau mengikut keperluan.

IWK menerima Status Penarafan Risiko GLC yang pertama, rujukan: SPRM.BPIA.600-9/3/2 bertarikh 22 Oktober 2019 menekankan bahawa Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (“IWK”) berada dalam kategori berisiko tinggi. IWK telah membangunkan usaha dalam memerangi rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan. Penarafan semula dilakukan selepas 3 tahun dan IWK menerima pemberitahuan Penarafan Risiko di atas, rujukan SPRM.BPIA.600-9/3/2 Jld.6 (46) bertarikh 9 Januari 2023 menekankan bahawa IWK berada dalam kategori risiko sederhana.

- 1.2 Polisi ini yang berfungsi sebagai usaha IWK dalam mengurangkan kelemahan tadbir urus dan pelanggaran integriti telah disemak dan dikemas kini.

2. TUJUAN

Polisi ini diwujudkan bertujuan untuk menjadi sumber rujukan mengenai perlakuan rasuah, mekanisme pelaporan dan pencegahan rasuah.

3. PEMAKAIAN

Polisi ini terpakai kepada semua warga IWK. Polisi ini juga hendaklah dijadikan panduan oleh pemegang taruh, rakan niaga atau mana-mana individu / organisasi

yang berurusan dengan warga / fasiliti IWK.

4. TAKRIFAN

Rasuah

Rasuah dalam konteks Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) membawa maksud memberi atau menawarkan, menerima atau meminta atau setuju untuk menerima atau meminta suapan secara langsung atau tidak langsung sebagai dorongan atau upah untuk melakukan atau tidak melakukan perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi.

Suapan

Suapan merujuk kepada tafsiran 'suapan' di bawah Seksyen 3, Akta 694.

Warga IWK

Pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di IWK sama ada melalui lantikan tetap, sementara, sangkut, pinjaman, kontrak atau sambilan termasuk lantikan politik.

Warga IWK juga termasuk Pengerusi, Ahli Lembaga Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Operasi, Ketua-ketua Jabatan dan Ketua-ketua Operasi atau syarikat di bawah IWK.

5. PERNYATAAN DASAR

IWK tidak akan bertoleransi dengan rasuah di dalam menyediakan perkhidmatan pementungan di Malaysia. IWK memberikan penekanan kepada empat (4) terma rujukan berikut:

I. Dasar, Perundangan dan Peraturan

- a. Memahami dan mematuhi undang-undang, peraturan dan lain-lain arahan berkaitan antirasuah yang berkuatkuasa.
- b. Menerapkan elemen antirasuah dalam penggubalan dasar bagi meningkatkan kawalan dalaman terhadap kelemahan governans

dan pelanggaran integriti.

II. Sistem dan Prosedur Kerja

Mengenal pasti, mengkaji kelemahan dan menambahbaik sistem dan prosedur kerja yang boleh membuka ruang dan peluang kepada perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan.

III. Pengukuhan Governans dan Integriti

Menyemai, mendidik dan membudayakan integriti serta memperkukuhkan governans dalam penyampaian perkhidmatan.

IV. Pengesanan, Pematuhan, Punitif dan Pemulihan

- a. Memperkasa dan menyebarkan mekanisme pelaporan perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan.
- b. Memastikan pematuhan kepada peraturan, mengambil tindakan punitif terhadap pelanggaran tatakelakuan dan melaksanakan usaha pemulihan.

6. PERLAKUAN BERUNSUR DAN BERPOTENSI RASUAH

Perlakuan-perlakuan berunsur dan berpotensi rasuah adalah seperti berikut:

<i>Transactive</i>	Persetujuan untuk memberi dan menerima suapan (<i>win-win situation</i>)
<i>Extortive</i>	Ugutan dengan tujuan untuk tidak mengambil tindakan
<i>Defensive</i>	Bayaran dengan tujuan mendapatkan perlindungan
<i>Investive</i>	Bayaran untuk menjamin balasan / habuan pada masa hadapan

<i>Nepotisme</i>	Penyalahgunaan kuasa dan kedudukan untuk kepentingan peribadi / saudara (keluarga) / sekutu
<i>Autogenic</i>	Perlakuan rasuah yang telah menjadi amalan dan budaya dalam organisasi
<i>Supportive</i>	Penempatan proksi / kroni di tempat strategik (<i>hotspot</i>) dalam organisasi

7. KESALAHAN-KESALAHAN RASUAH

Kesalahan-kesalahan rasuah di bawah Akta 694 adalah seperti berikut:

7.1 Kesalahan menerima suapan di bawah Seksyen 16, Akta 694

7.1.1 Mana-mana orang secara rasuah **meminta** atau **menerima** atau **bersetuju untuk menerima** bagi dirinya atau orang lain apa-apa suapan sebagai dorongan untuk atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perkara atau transaksi; atau

7.1.2 Mana-mana orang secara rasuah **memberikan, menjanjikan** atau **menawarkan** kepada mana-mana orang sama ada bagi faedah dirinya atau orang lain apa-apa suapan sebagai dorongan untuk atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perkara atau transaksi.

7.2 Kesalahan memberi atau menerima suapan oleh ejen di bawah Seksyen 17, Akta 694

7.2.1 Mana-mana orang sebagai seorang ejen secara rasuah **menyetujui terima** atau **memperoleh** daripada mana-mana orang untuk dirinya atau orang lain, apa-apa suapan sebagai dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan, berhubungan dengan hal ehwal prinsipalnya; atau

7.2.2 Mana-mana orang sebagai seorang ejen **memberikan** atau **bersetuju untuk memberikan** atau **menawarkan** apa-apa suapan kepada mana-mana ejen sebagai dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan, berhubungan dengan hal ehwal prinsipalnya.

7.3 Kesalahan membuat tuntutan palsu di bawah Seksyen 18, Akta 694

Mana-mana orang yang **memberi** seseorang ejen, atau sebagai seorang ejen **menggunakan**, dengan niat hendak memperdayakan prinsipalnya, **apa-apa resit, akaun atau dokumen lain** yang prinsipalnya mempunyai kepentingan, dan dia mempunyai sebab untuk mempercayai mengandungi **apa-apa pernyataan yang palsu atau silap tentang apa-apa butir matan**, dan yang dimaksudkan untuk mengelirukan prinsipalnya.

7.4 Kesalahan menyogok pegawai badan awam di bawah Seksyen 21, Akta 694

Mana-mana orang yang **menawarkan** kepada seseorang pegawai mana-mana badan awam, atau sebagai seorang pegawai mana-mana badan awam, **meminta** atau **menerima**, apa-apa suapan sebagai suatu dorongan atau upah walaupun pegawai itu tidak mempunyai kuasa, hak atau peluang untuk berbuat demikian, atau menerima suapan itu tanpa niat untuk berbuat demikian, atau walaupun dorongan atau upah itu tidak ada hubungan hal ehwal badan awam itu.

7.5 Kesalahan menggunakan jawatan atau kedudukan untuk suapan di bawah Seksyen 23, Akta 694

Mana-mana pegawai badan awam yang **menggunakan jawatan** atau **kedudukannya** untuk apa-apa suapan, sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya.

7.6 Hukuman di bawah Seksyen 24, Akta 694

7.6.1 Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 16, 17, 21 dan 23 Akta 694, apabila disabitkan boleh:

- i. **dipenjara** selama tempoh **tidak melebihi dua puluh (20) tahun; dan**
- ii. **didenda tidak kurang lima (5) kali ganda** jumlah atau nilai **suapan** yang menjadi hal perkara kesalahan itu, **atau sepuluh ribu ringgit (RM10,000)**, mengikut **mana-mana yang lebih tinggi**.

7.6.2 Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 18, Akta 694, apabila disabitkan boleh:

- i. **dipenjara** selama tempoh **tidak melebihi dua puluh (20) tahun; dan**
- ii. **didenda tidak kurang lima (5) kali ganda** jumlah atau nilai butir matan yang palsu, atau silap itu, atau **sepuluh ribu ringgit (RM10,000)**, mengikut **mana-mana yang lebih tinggi**.

7.7 Kewajipan melaporkan transaksi penyogokan di bawah Seksyen 25, Akta 694

7.7.1 Mana-mana orang yang **diberi, dijanjikan**, atau **ditawarkan** suapan hendaklah **melaporkan** pemberian, janji atau tawaran itu, berserta dengan nama, jika diketahui, orang yang memberi, menjanjikan atau menawarkan suapan itu kepadanya kepada pegawai SPRM.

7.7.2 Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen tersebut apabila disabitkan boleh:

- i. **didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit (RM100,000); atau**
- ii. **dipenjara** selama tempoh **tidak melebihi sepuluh (10) tahun atau kedua-duanya**.

7.7.3 Mana-mana orang yang daripadanya suapan telah **diminta** atau **diperoleh** atau **suatu cubaan dibuat** untuk memperoleh suapan itu, hendaklah **melaporkan** permintaan atau perolehan, atau cubaan untuk memperoleh suapan itu berserta dengan perihalan yang lengkap dan benar dan, jika diketahui, nama orang yang meminta, atau memperoleh, atau cuba memperoleh, suapan daripadanya kepada pegawai SPRM.

7.7.4 Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen tersebut apabila disabitkan boleh:

- i. **didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit (RM10,000); atau**
- ii. **dipenjara** selama tempoh **tidak melebihi dua (2) tahun atau kedua-duanya.**

7.8 Kesalahan menerima barangan berharga dengan tiada balasan di bawah Seksyen 165, Kanun Keseksaan (Akta 574)

Mana-mana pegawai awam yang **menerima** atau **memperoleh**, atau **setuju untuk menerima** atau **cuba untuk memperoleh** untuk dirinya atau untuk mana-mana orang lain apa-apa barangan berharga dengan tiada balasan atau dengan balasan yang pegawai mengetahui tidak mencukupi daripada mana-mana orang yang pegawai mengetahui telah; atau sedang; atau mungkin berkaitan dengan apa-apa urusan rasmi yang telah dijalankan; atau yang akan dijalankan oleh pegawai itu; atau berkaitan dengan tugas rasmi pegawai atau dengan tugas rasmi mana-mana pegawai di bawah seliaan pegawai itu hendaklah dihukum dengan hukuman **penjara** selama tempoh **tidak melebihi dua (2) tahun** atau **denda** atau **kedua-duanya sekali.**

7.9 Kesalahan memalsukan dokumen di bawah Seksyen 465, Kanun Keseksaan (Akta 574)

Mana-mana orang yang **melakukan pemalsuan** hendaklah dihukum dengan hukuman **penjara** selama tempoh **tidak melebihi dua (2) tahun** atau **denda** atau **kedua-duanya sekali.**

8. UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN LAIN YANG BERKUATKUASA

8.1 Undang-undang dan peraturan lain berkaitan perlakuan rasuah adalah seperti berikut:

- i. Seksyen 3, Akta 694:
 - a. mana-mana kesalahan di bawah Kanun Keseksaan (Akta 574) yang dinyatakan dalam Jadual – Perenggan 3 (a), tafsiran “kesalahan ditetapkan” di bawah Akta 694;
 - b. kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 137 Akta Kastam 1967 (Akta 235);
 - c. kesalahan di bawah Bahagian III Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5);
 - d. sesuatu percubaan untuk melakukan mana-mana kesalahan yang disebut dalam perenggan (a) hingga (c); atau
 - e. sesuatu perubahatan atau komplot jenayah untuk melakukan (sebagaimana istilah yang ditakrifkan dalam Kanun Keseksaan) mana-mana kesalahan yang disebut dalam perenggan (a) hingga (c), sama ada atau tidak kesalahan itu dilakukan berbangkit daripadanya.

- ii. Seksyen 17A, Akta 694, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Pindaan) Akta 2018 (Akta SPRM (Pindaan) 2018). Kesalahan oleh organisasi komersial.
 - (1) Suatu organisasi komersial melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan organisasi komersial itu secara rasuah **memberikan, bersetuju untuk memberikan, menjanjikan** atau **menawarkan** kepada mana-mana orang apa-apa **suapan** sama ada bagi faedah orang itu atau bagi faedah orang lain dengan niat:
 - (a) untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan bagi organisasi komersial itu; atau
 - (b) untuk memperoleh atau mengekalkan faedah dalam menjalankan perniagaan bagi organisasi komersial itu.

- (2) Mana-mana organisasi komersial yang melakukan kesalahan di bawah seksyen ini apabila disabitkan boleh didenda tidak kurang daripada **sepuluh kali ganda** jumlah atau nilai **suapan** yang menjadi hal perkara kesalahan itu, jika suapan itu dapat dinilai atau berbentuk wang, atau **satu juta ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi**, atau **dipenjarakan** selama tempoh **tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya**.
- (3) Jika sesuatu kesalahan dilakukan oleh organisasi komersial, seseorang:
- (a) yang menjadi pengarah, pengawal, pegawai atau pekongsinya; atau
 - (b) yang terlibat dengan pengurusan hal ehwalnya, pada masa kesalahan itu dilakukan, disifatkan telah melakukan kesalahan itu melainkan jika orang itu membuktikan bahawa kesalahan itu dilakukan tanpa keizinannya atau pembiarannya dan bahawa dia telah menjalankan segala usaha yang wajar dilakukannya untuk menghalang pelakuan kesalahan itu dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan kepada hal keadaan.
- (4) Jika suatu organisasi komersial dipertuduh bagi kesalahan yang disebut dalam subseksyen (1), menjadi pembelaan bagi organisasi komersial itu untuk membuktikan bahawa organisasi komersial itu mempunyai tatacara yang mencukupi untuk menghalang orang yang bersekutu dengan organisasi komersial itu daripada melakukan perbuatan itu.

Pencegah Rasuah (kini dikenali sebagai uruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia).

9. PERANAN DAN TINDAKAN WARGA IWK

9.1 Dalam usaha menutup ruang dan peluang rasuah, warga IWK hendaklah mengambil tindakan seperti berikut:

JANGAN MINTA

Warga IWK **dilarang meminta atau menerima** apa-apa bentuk suapan.

TOLAK

Warga IWK hendaklah **menolak** apa-apa tawaran atau pemberian rasuah.

LAPOR

Warga IWK hendaklah dengan **segera melaporkan** apa-apa perlakuan rasuah kepada Ketua Jabatan, Unit Integriti IWK atau SPRM.

9.2 Warga IWK boleh melaporkan apa-apa perlakuan rasuah dengan mengemukakan sekurang-kurangnya maklumat asas (5W+1H) seperti berikut:

- i. Siapakah (who) yang terlibat?
- ii. Bilakah (when) kejadian berlaku?
- iii. Di manakah (where) kejadian berlaku?
- iv. Apakah (what) kesalahan yang berlaku?
- v. Kenapakah (why) kesalahan berlaku?
- vi. Bagaimanakah (how) kesalahan berlaku?
- vii. Saksi atau dokumen berkaitan (sekiranya ada)

10. PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT DAN MAKLUMAT

Apa-apa aduan yang dibuat berbangkit daripada maklumat yang diterima oleh seseorang pegawai SPRM, **maklumat** dalam aduan itu dan **identiti pemberi maklumat** hendaklah menjadi **rahsia** antara pegawai SPRM dengan pemberi

maklumat, dan **tidak boleh didedahkan** atau diperintahkan, atau dikehendaki supaya didedahkan dalam mana-mana prosiding sivil, jenayah atau yang lain dalam mana-mana mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa lain di bawah Seksyen 65, Akta 694.

11. PERTANYAAN DAN PELAPORAN

Sebarang pertanyaan atau pelaporan pelanggaran terhadap Polisi ini boleh dikemukakan melalui saluran berikut:

Saluran Pendedahan Maklumat IWK (Whistle Blowing Channel)

- i) Telefon : 03-2780 1295
- ii) Emel : whistle@iwk.com.my
- iii) Hantar Borang Pemberi Maklumat kepada Ketua Unit Integriti & Governans
- iv) Hantar Borang Pemberi Maklumat melalui <https://www.iwk.com.my> atau IWK Mobile App
- v) Hadir dan Bertemu di :
Unit Integriti & Governans
Indah Water Konsortium Sdn Bhd
No.1, Jalan Damansara
60000 Kuala Lumpur

12. PENUTUP

Pematuhan terhadap Polisi Anti-Rasuah dan Anti-Korupsi ini dapat mencapai pencegahan rasuah dan seterusnya menjadi pemangkin kepada kecekapan dan ketelusan pengurusan berteraskan prinsip governans, integriti dan antirasuah. Secara tidak langsung, pematuhan kepada Polisi ini akan menjadikan IWK antara agensi peneraju industri air dan pembedung dalam pelaksanaan inisiatif antirasuah.

IGU dibenarkan untuk membuat garis panduan bersesuaian bagi maksud baik pengurusan polisi ini.

RUJUKAN

1. Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)
2. Kanun Keseksaan (Akta 574)
3. Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018 mengenai Pemantapan Governans, Integriti dan Anti-Rasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan
4. Pelan Anti-Rasuah Nasional (NACP) 2019 - 2023
5. Surat Pemakluman Status Penarafan Risiko Syarikat Berkaitan Kerajaan/ Government-Linked Companies (GLC), dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) rujukan: SPRM.BPIA.600-9/3/2 bertarikh 22 Oktober 2019.
6. Surat Pemakluman Status Penarafan Risiko Syarikat Berkaitan Kerajaan/ Government-Linked Companies (GLC), dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) rujukan: SPRM.BPIA.600-9/3/2 Jld.6 (46) bertarikh 9 Januari 2023.